

## Pesawat penumpang pertama guna bahan api SAF



MAG mahu menjadi perintis menggunakan SAF untuk penerbangan di Malaysia.

Sepang: Mengorak langkah setapak ke hadapan, syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines mengukir sejarah baharu apabila pesawat penumpang pertama menggunakan Bahan Api Penerbangan Mampan (SAF).

Pesawat Boeing 737-800 menggunakan campuran bahan api jet konvensional dan SAF Neste yang dihasilkan 100 peratus daripada sisa boleh diperbaharui dan sisa bahan mentah seperti lemak haiwan.

Penerbangan bersejarah itu melibatkan pesawat MH603 dari Kuala Lumpur (KUL) ke Singapura (SIN) di Lapangan Terbang Antara-

bangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Ketua Pegawai Kelestarian Malaysia Aviation Group (MAG) Philip See berkata, Neste yang juga pengeluar SAF terbesar dunia adalah pembekal bahan api berkenaan melalui perjanjian bekalan dengan PETCO Trading (UK) Ltd, yang juga rakan strategik pemasaran dan perdagangan Petronas berpusat di Eropah, manakala pengendalian produk dan pengisian bahan bakar dijalankan oleh Petronas Dagangan Berhad (PDB) di KLIA.

"Berikutan pencapaian ini, bekalan jangka panjang SAF disediakan di KLIA untuk pelanggan penerbangan berpotensi bernaung di ba-

wah MAG termasuk Firefly.

"Ini pesawat penumpang pertama menggunakan Neste SAF, iaitu mengikut jejak langkah pesawat kargo komersial iaitu MH7979 dari Amsterdam ke Kuala Lumpur pada Disember tahun lalu, membuktikan kemungkinan SAF sebagai pilihan bahan api yang lebih bersih dan lebih berdaya maju," katanya.

Menurutnya, MAG mahu menjadi perintis menggunakan SAF untuk penerbangan di Malaysia sebagai sebahagian daripada komitmen untuk mencapai pembangunan sosio-ekonomi dan mencapai pelepasan karbon sifar bersih.